

P. Pinang mahu UMNO bijak gunakan kuasa

KUALA LUMPUR 15 Nov. - Wakil UMNO Pulau Pinang mahu para pemimpin Melayu yang menduduki jawatan menteri supaya lebih berani menggunakan kuasa yang mereka miliki untuk memastikan orang Melayu tidak terpinggir di negara sendiri.

Dalam ucapan yang kerap di luahkan secara berjenaka tapi penuh sindiran dan mencuri perhatian para perwakilan ketika membahaskan usul ucapan dasar Presiden pada hari pertama Perhimpunan Agung UMNO di sini, hari ini, Senator Musa Sheikh Fadzir berkata, "Kita (UMNO) ada kuasa tetapi kenapa kita tidak menggunakan kuasa itu."

Beliau memberi contoh dan mempersoalkan kenapa pemimpin UMNO tidak menggunakan kuasa sekiranya orang Melayu di-

dapati masih terlalu kurang mendapat permit import (AP) bagi kereta-kereta tertentu ekoran tidak mampu membayar dua tiga juta ringgit yang ditetapkan sebelum layak mendapat AP.

"Kenapa kita tidak menggunakan kuasa yang kita miliki untuk memudah dan meramaikan orang Melayu mendapat AP.

"Saya sedih kerana sudahlah susah mendapat permit besar, permit kecil seperti permit teksj hendak ditarik daripada orang Melayu," kata Musa iaitu perwakilan dari Bahagian Bukit Mertajam.

Beliau juga mengambil contoh mengenai perkembangan pesat sektor industri di Pulau Pinang tetapi orang Melayu hanya boleh berbangga kerana sebahagian besarnya bekerja sebagai Operator Pengeluaran.

Bagi membantu melahirkan memperbanyakkan masyarakat peniaga dan perindustrian bumi-

putera, Musa mencadangkan agar kerajaan menambah jumlah bank bagi memberi ruang lebih besar kepada orang Melayu untuk mendapatkan pinjaman.

Menurut Musa, orang Melayu kini menghadapi masalah mendapatkan pinjaman untuk memulakan atau membesarkan perniagaan kerana jumlah bank yang ada semakin kurang berbanding sebelum penggabungan bank-bank berlaku.

"UMNO Pulau Pinang mencadangkan agar kerajaan mewujudkan bank baru yang beroperasi di setiap negeri bagi memberi kemudahan pinjaman perniagaan kepada orang Melayu," katanya.

Mengenai kritikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap kerajaan dan pucuk pimpinan, beliau memuji sikap

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang tidak membiarkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berseorangan dalam menangani isu tersebut.

Musa sebaliknya menyindir setengah pemimpin UMNO yang menggunakan media untuk menegur Dr. Mahathir tanpa ada usaha bersungguh-sungguh pada peringkat awal untuk mendamaikan kedua-dua pemimpin tersebut.

"Saya masih ingat apabila Tun Dr. Mahathir berada di pentas ini melahirkan hasratnya untuk meletakkan jawatan sebagai Presiden UMNO, banyak pemimpin yang bergegas ke pentas sehingga ada yang tertanggal kasut bagi memujuk Tun.

"Mereka ini sepatutnya tampil untuk memujuk Tun agar berdamai dengan Pak Lah," ujarnya.